



PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

KENYATAAN SEBUT HARGA

Pembida adalah dipelawa daripada **syarikat insurans/takaful, broker insurans** atau **Pentadbir Pihak Ketiga (Third Party Administrator – TPA)** yang berdaftar dengan NAFAS, Subsidiari NAFAS, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), serta mempunyai lesen, pendaftaran atau kelulusan berkaitan yang masih sah daripada pihak berkuasa berkenaan, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), jika berkenaan. Pembida hendaklah mempunyai **pengalaman dan kepakaran** dalam menyediakan serta menguruskan **Polisi Insurans Perubatan Berkelompok** bagi kakitangan, seperti dinyatakan dalam tawaran iklan berikut.

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	PERIHAL SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP
1	NO. SEBUT HARGA: NAFAS/BPK2026/C01/035 PERKHIDMATAN: Perlindungan Insurans Perubatan Berkelompok Bagi Staf Kumpulan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Bagi Tahun 2027	TARIKH TAKLIMAT: 17 September 2026 (Khamis) PENDAFTARAN: 10.30 Pagi MASA TAKLIMAT: 11.00 Pagi TEMPAT TAKLIMAT: Dewan Utama NAFAS, Ibu Pejabat Peladang Kebangsaan (NAFAS) Lot 1, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor KEHADIRAN: <u>WAJIB</u>	TARIKH IKLAN: 04 September 2026 (Jumaat) TARIKH PELAWAAN: 04 September 2026 (Jumaat) TARIKH PENJUALAN DOKUMEN TENDER: Penjualan Bermula Pada, 17 September 2026 (Khamis) Sehingga 29 September 2026 (Selasa) <u>(Secara Online)</u> HARGA DOKUMEN TENDER: <u>RM100.00</u> MASA: Waktu Pejabat 8.30 Pagi -1.00 Petang 2.00 Petang – 4.30 Petang	TARIKH TUTUP: 30 September 2026 (Rabu) MASA: Sebelum jam 12.00 Tengahari PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA KE: Peti Sebut Harga Di Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) ALAMAT: Lot 1, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMBIDA

1. Pelawaan sebut harga ini adalah secara terbuka dan jemputan.
2. Sesi taklimat bagi sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN**.
3. Pembida yang berminat **dikehendaki mengemukakan Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut**
4. **Harga** melalui pautan Google Form berikut: <https://forms.gle/m2MzmrHEmMiMXfyR7> .Hanya **penama yang didaftarkan dalam Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut Harga** dibenarkan menghadiri sesi taklimat berkenaan.
5. Pembida **tidak dibenarkan mewakili pegawai lain** selain daripada individu yang dinamakan dalam borang tersebut.
6. Setiap Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM100.00 secara *Online*. Bayaran boleh dibuat secara *instant transfer* dan wang bayaran ini tidak akan dikembalikan.
7. Pembida dikehendaki mengemukakan bukti pembayaran dengan melampirkan resit bayaran melalui pautan Borang Pengesahan Bayaran Dokumen Sebut Harga di Google Form berikut: <https://forms.gle/GwKsgTZmNTZNYC6u8>. (**Nota: Bayaran secara tunai tidak akan diterima.**)
8. Maklumat akaun bagi pembayaran dokumen sebut harga adalah seperti berikut:

Nama	:	Pertubuhan Peladang Kebangsaan
Bank	:	CIMB Bank Berhad
No. Akaun	:	8000879833

9. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pegawai berikut atau melalui e-mel rasmi perolehan@nafas.com.my:

Bil	Nama Pegawai	E-mel	No. Telefon
i.	Puan Siti Noor Farah Binti Kiman	farah@nafas.com.my	03-61441200
ii.	Cik Noor Nadia Binti Mohamed Isa	nadia@nafas.com.my	
iii.	Puan Farah Nabilah Binti Imam Maskor	farahnabilah@nafas.com.my	

10. Dokumen sebut harga boleh diperoleh mulai **17 September 2026 (Khamis) hingga 29 September 2026 (Selasa)**. Pembida hendaklah mengemukakan bukti pembayaran melalui e-mel kepada perolehan@nafas.com.my. Dokumen sebut harga akan dihantar melalui e-mel setelah bukti pembayaran diterima dan disahkan oleh Urusetia. **Untuk perhatian pembida:**
 - i. Kehadiran ke sesi taklimat adalah diwajibkan dan merupakan salah satu syarat kelayakan bagi tujuan pemilihan; dan
 - ii. Bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak dapat dikembalikan sekiranya pembida tidak menghadiri sesi taklimat tersebut.
11. Pembida yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga adalah dianggap tidak berjaya.
12. Pembida hendaklah mematuhi semua syarat dan arahan yang ditetapkan dalam Arahan kepada Pembida dan Syarat-syarat Sebut Harga. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut boleh menyebabkan dokumen sebut harga ditolak tanpa pertimbangan lanjut.
13. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan menyatakan Tajuk Dan Nombor Sebut Harga Pada Sampul tersebut, dan dihantar ke peti sebut harga seperti dinyatakan dalam dokumen tawaran.

****KEHADIRAN ATAU PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA**